

15 JAN 1998

Mahathir-Komputer

BERTINDAK SEKARANG SEBELUM "MILLENNIUM BUG" MENYERANG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan kebimbangannya berhubung kekurangan usaha serius oleh syarikat-syarikat kecil dan sederhana dalam menangani masalah "Millennium Bug".

Sambil berkata mereka tidak memberi tumpuan kepada masalah itu, Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat perlu segera mengatasi "Millennium Bug" juga dikenali "Y2K", satu masalah perisian tahun 2000 yang merujuk kepada ketidakmampuan kebanyakan sistem komputer untuk membaca data dengan betul dalam alaf baru.

"Kita mempunyai dua tahun lagi...dan jika mereka tidak (mengambil langkah sewajarnya), sudah pasti mereka akan menghadapi masalah yang sangat serius," katanya pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat keenam Majlis Teknologi Maklumat Negara di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan sudahpun melantik syarikat-syarikat komputer utama untuk menangani rekod-rekod komputer di semua jabatannya.

"Tetapi kami bimbang syarikat-syarikat kecil dan sederhana, tidak berbuat apa-apa," katanya.

Perdana Menteri berkata ramai orang mempunyai anggapan salah mengenai masalah Y2K itu dengan menganggapnya hanya sebagai masalah komputer.

"Semua komputer di dunia akan menghadapi masalah ini hanya kerana angka 00 (dalam tahun 2000) kurang daripada 99 (tahun 1999). Sebenarnya, 00 mewakili 2000 manakala 99 mewakili 1999," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kebanyakan orang hanya menulis dua angka terakhir bagi sesuatu tahun seperti 98 atau 99 dan bukannya 1998 atau 1999 ketika menyimpan rekod dalam komputer.

"Jadi, bila anda merujuk rekod yang disimpan dalam komputer sebelum 1999 dalam alaf baru, anda akan mendapat rekod yang salah. Semua perkiraan juga akan salah.

"Komputer, sebagai alat yang 'pintar', mungkin tidak mengiktiraf atau tidak dapat (mengeluarkan maklumat yang diperlukan) dan mungkin bergerak ke belakang dan bukannya ke hadapan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata hanya mereka yang mempunyai pengetahuan baik mengenai perisian komputer akan dapat menangani masalah komputer.

Berikutan ancaman serius Y2K, NITC hari ini menimbangankan perakuan Pasukan Petugas Y2K untuk menubuhkan biro Y2K dan membubarkan pasukan petugas itu.

Sekretariat NITC dalam satu kenyataan selepas mesyuarat itu berkata biro itu akan bekerjasama dengan badan-badan kawal selia bagi memastikan semua pertubuhan yang berada di bawah kuasa mereka menangani masalah Y2K itu dengan sewajarnya.

Syarikat-syarikat tidak lagi boleh berdiam diri mengenai Y2K dan pengisytiharan mereka dalam akaun yang diaudit harus menyatakan sama ada syarikat mereka belum memulakan usaha menangani masalah itu tetapi akan berbuat demikian pada tahun akaun yang berikutnya.

Menurut kenyataan itu biro itu juga akan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan Malaysia dengan menyediakan sumber-sumber dan mengawasi kemajuannya.

Ia juga telah mengusahakan agar pertubuhan-pertubuhan itu mendapatkan penggunaan percuma alat Assessment 2000 IBM dalam Internet bagi membolehkan mereka menilai kesan Y2K terhadap mereka.

"Isu `Millennium Bug' bukan sahaja masalah komputer tetapi merupakan

survival pertubuhan itu dalam memasuki alaf berikutnya. Negara harus menyedari betapa seriusnya perkara ini," kata kenyataan itu. -- BERNAMA
ES NAK MAI